



KERAJAAN MALAYSIA



SPAD

PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 4 TAHUN 2011

---

PEMBAHARUAN KELAS LESEN BAS SEKOLAH YANG MELEBIHI HAD USIA 30 TAHUN

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 5 SEPTEMBER 2011

Semua Persatuan Bas Sekolah Semenanjung Malaysia  
Semua Pengusaha Bas Sekolah Semenanjung Malaysia  
Semua Pejabat SPAD Negeri

## PEMBAHARUAN KELAS LESEN BAS SEKOLAH YANG MELEBIHI HAD USIA 30 TAHUN

### TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pembaharuan lesen kenderaan perdagangan bagi kelas lesen bas sekolah yang melebihi had usia 30 tahun.

### LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Bil. 5 tahun 2011 bertarikh 17 Ogos 2011 telah memutuskan untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen kenderaan perdagangan bagi kelas lesen bas sekolah yang melebihi had usia lesen 30 tahun.

### PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Adalah dimaklumkan bahawa SPAD **bersetuju** untuk memberi kelulusan membaharui lesen selama satu (1) tahun lagi kepada lesen bas sekolah yang berusia **melebihi 30 tahun** yang tamat tempoh pada tahun 2011 sahaja. Kelulusan diberikan untuk kali terakhir dengan syarat permohonan ubah syarat ganti kenderaan perlu disertakan bersama dengan permohonan membaharui.

3. Dalam tempoh lanjutan tersebut, sekiranya kenderaan gagal disiapkan, tambahan satu (1) tahun lagi akan diberikan kepada pengusaha dengan syarat pemohon perlu mengemukakan bukti pembelian kenderaan.

4. Keputusan ini adalah **bersifat jangka pendek** dan semua bas wajib menjalani pemeriksaan dan mendapatkan kelulusan daripada PUSPAKOM bagi memastikan fizikal kenderaan dalam keadaan baik demi menjamin keselamatan penumpang.

## TINDAKAN

5. Semua pengusaha dan persatuan kenderaan perdagangan kepada lesen bas sekolah perlu mengambil perhatian dan memaklumkan kepada ahli-ahli persatuan berhubung pembaharuan lesen kenderaan perdagangan bagi kelas lesen bas sekolah yang melebihi had usia 30 tahun.
6. Semua pejabat negeri dipohon untuk memaklumkan kepada kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab berhubung permohonan membaharui lesen bas sekolah yang melebihi had usia 30 tahun.

## TARIKH KUATKUASA

7. Arahan pekeliling bagi membaharui lesen bas sekolah yang melebihi had usia 30 tahun mula berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(AZHAR BIN AHMAD)

Ketua Pegawai Operasi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

5 SEPTEMBER 2011